

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]

TARIKH : 8.4.2015

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah harga sewaan bagi setiap tapak menara pemancar 1BR1S yang dikenakan kepada YTL Communication, serta menjelaskan siapakah yang menanggung caj utiliti bagi menara-menara tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kadar sewaan tapak 1BRIS (1BestariNet Receiver Integrated System – Base Station) yang terbaru telah diluluskan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) pada 17 Februari 2015 adalah sebanyak RM120 setahun bagi setiap tapak di bawah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP).

Semua caj-caj utiliti yang berkaitan dengan perkhidmatan 1BestariNet seperti caj elektrik ditanggung oleh Kerajaan dalam tempoh perjanjian sepertimana di dalam kontrak perjanjian. Walau bagaimanapun, bagi sekolah yang mana tapaknya bukan milik Kerajaan atau di bawah kawalan pihak lain selain KPM, pengenaan caj utiliti adalah bergantung kepada persetujuan tuan tanah di mana menara tersebut didirikan.

RJM111